

SUMBANGAN IMAM SHAFI'I DALAM TASAWUF

DISEDIAKAN OLEH

Dr Haji Jahid Haji Sidek Al-Khalidi
Astana Budi Lorong Beringin, Batu 17
Kuang,
Selangor, Malaysia.

DIEBENTANGKAN

SEMINAR FIQAH MAZHAB SYAFI'I :
KAEDAH BERINTERAKSI DENGANNYA

ANJURAN

PUSAT ISLAM DAN PEMBANGUNAN
INSAN (UNIVERSITI MALAYSIA
PAHANG)

TEMPAT

DEWAN UTAMA KOMPLEKS YAYASAN
PAHANG

TARIKH DAN MASA

PADA 8HB NOVEMBER 2017
JAM 11.00 PAGI – 12:30 TENGAHHARI

PENDAHULUAN

Kedudukan dan peranan Imam Shafi'i dalam ilmu dan amalan tasawuf, telah termaklum, menjadi isu yang kontroversi. Ada pro dan kontra; ada ulamak yang berpandangan bahawa Imam Shafi'i bukan hanya tidak memainkan apa-apa peranan atau memberi sumbangan dalam bidang tasawuf, malahan sebaliknya, beliau dianggap mempunyai pandangan yang negatif terhadap tasawuf. Mereka menggunakan catitan Imam Baihaqi (w.384 H), dalam kitab **manaqib shafi'iyah** bahawa imam Shafi'i berkata:

لو ان رجلا تصوف من اول النهار لم يأت عليه الظهر إلا وجدته أحمق

Maksudnya: “ Jika seseorang belajar dan beramal dengan tasawuf di pagi hari, sebelum tiba waktu zuhur, nescaya anda dapati akal nya jadi bodoh.” Ungkapan katanya ini jelas menunjukkan bahawa Imam Shafi'i beranggapan negatif terhadap tasawuf, kerana kononnya tasawuf boleh merosakkan pemikiran pengamal nya.

PELBAGAI UNGKAPAN KATA BELIAU YANG POSITIF TERHADAP TASAWUF

Kita jangan lupa, disamping ungkapan kata Imam Shafi'i di atas, beliau juga mewariskan untuk umat Islam ungkapan kata hikmah mengenai ilmu dan amalan tasawuf, yang boleh kita umpamakan permata atau mutiara yang sangat mahal harganya. Ungkapan-ungkapan kata beliau yang menjulang tinggi ilmu dan amalan tasawuf itu, tentunya dapat kita jadikan alat pengukur yang tepat mengenai sikap, pandangan dan sumbangannya yang sebenar terhadap ilmu dan amalan tasawuf.

Hasil kajian yang telah buat oleh sesetengah ulamak yang meyakini adanya peranan Imam Shafi'i dalam ilmu dan amalan tasawuf, mendapati bahawa Imam Shafi'i dalam hubungannya dengan tasawuf melalui dua zaman. Kata-kata beliau di atas diluahkan di zaman awal hidupnya iaitu sebelum beliau pergi ke Mesir. Selepas beliau tinggal di Mesir, beliau banyak mengeluarkan kata-kata yang memuji para sufi dan kebaikan tasawuf. Sebab semasa di Mesir beliau berpeluang menemui dan bergaul rapat dengan ramai sufi. Malahan semasa itulah beliau dilaporkan belajar ilmu tasawuf.

Mungkin kita masih ingat pandangan syeikh ‘Izzuddin Ibn Abd Salam (w.660 H.) yang tidak mengharuskan zikir *ismudh-dhat* Allah...Allah..Allah. Beliau mengharuskannya,selepas beliau belajar tasawuf dan tarekat Syadhiliyyah dari syeikh Abu Hasan Sdyadhili (w.656 H.).

Demikian juga Imam Ahmad bin Hanbal (w.241 H.) sebelum belajar tasawuf beranggapan ulamak tasawuf itu jahil yang boleh menyesatkan. Beliau memberi amaran kepada anak lelakinya, Abdullah supaya jangan belajar tasawuf. Tetapi setelah beliau belajar tasawuf dari syeikh Abu Hamzah al-Baghdadi, maka beliau menyuruh anaknya tersebut untuk belajar tasawuf.

KETERLIBATAN KEEMPAT-EMPAT IMAM DENGAN TASAWUF

Sumbangan, kedudukan dan peranan Imam Shafi’i dalam tasawuf kian jelas dan sukar dinafikan, berdasarkan hasil tulisan dan kajian beberapa ulamak mengenai keterlibatan keempat-empat imam, Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Shafi’i dan Imam Ahmad bin Hanbal dalam tasawuf. Hasil tinjauan tersebut menyimpulkan bahawa mereka memang terlibat secara langsung dengan tasawuf. Mereka belajar dan beramal dengan tasawuf.

Imam Abu Hanifah berguru dengan syeikh Ja’far as-Sodiq (w.148H.). Syeikh al-Alusi (w.1270H.) dalam kitabnya Sobbal-‘Adhab, telah meriwayatkan Imam Abu Hanifah pernah berkata:

لولا ألسنتان لهلك النعمان

Maksudnya: “ Jika tidak kerana dua tahun (belajar tasawuf denga Ja’far as-Sodiq) nascaya binasalah (perjalanan syariat dan hakikat) Nukman.”

Sesetengah sufiyyah menjelaskan maksud ungkapan tersebut ialah hanya dua tahun sahaja Imam AShafi’i sempat belajar tasawuf dari gurunya, Imam Ja’far as-Sodiq.

Imam Malik (w. 176 H.) pula memang terkenal dengan peranan dan pandangannya yang jelas mengenai tasawuf, kedudukan dan kepentingannya dengan kata-katanya yang popular :

من تفقه و لم يتصوف فقد تفسق ومن تصوف
و لم يتفقه فقد تزندق ومن جمع بينهما فقد تحقق

Maksudnya: “ Sesiapa yang (beramal) hanya dengan fekah sahaja, sesungguhnya ia menjaadi fasik (berdosa besar); sesiapa yang (beramal) hanya dengan tasawuf sahaja ia jadi zindik (terkeluar dari agama Islam); sesiapa yang mengabungkan kedua-duanya, maka sesungguhnya ia mencapai hakikat.”

Imam Ahmad bin Hanbal pula, walaupun pada zaman awalnya curiga terhadap sesetengah ulamak tasawuf, namun akhirnya beliau dapat hidayat mengenai kebenarannya. Beliau akhirnya belajar tasawuf dari syeikh Abu Hamzah al-Baghdadi (w.262 H.).

ISTILAH TASAWUF DI ABAD PERTAMA DAN KEDUA BELUM POPULAR

Seorang sufi, syeikh Abu Husin al-Busanji (w.282 H.) berkata:

التصوف أليوم إسم بلا حقيقة وقد كان حقيقة بلا إسم

Maksudnya: “ Tasawuf pada hari ini (di abad ketiga hijrah) ada namanya tanpa wujud hakikatnya; sesungguhnya (pada masa dulu, abad pertama hingga pertengahan abad kedua) tasawuf ada hakikatnya tanpa ada namanya.”

Apa yang dimaksudkan oleh syeikh Abu Husin al-Busanji ialah ilmu dan amalan tasawuf bersumberkan al-Quran dan sunnah yang sememangnya menjadi darah daging akhlak zahir dan batin Rasulullah s.a.w., para sahabat, tabiin dan para salafus-soleh yang hidup pada abad pertama hingga ketiga.

Mereka diakui oleh Rasulullah s.a.w. sebagai angkatan umat Islam terbaik dengan sabdanya:

خير القرن قرني ثم الذين يلونهم ثم الذين يلونهم ثم يأتي قوم يشهدون

ولا يستشهدون وينذرون ولا يوفون ويظهر فيهم السمن. (متفق عليه)

Maksudnya: “sebaik-baik kurun adalah kurunku, kemudian kurun yang mengikutinya, kemudian kurun yang mengikutinya, kemudian (lepas tersebut) lahir satu golongan yang menjadi saksi walaupun mereka tidak diminta, mereka bernazar tetapi mereka tidak tunaikan maka lahirlah orang-orang malas dan dusta”.

Oleh yang demikian, seluruh amalan tasawuf zahir dan batin atau syariat dan hakikat telah biasa dihayati dalam kehidupan umat Islam di zaman awal (kurun pertama hingga ketiga) itu. Kita yakin semua keempat-empat imam tersebut pada hakikatnya adalah merupakan sufiyyah.

Kita pasti bertambah yakin terhadap realiti ini, bila kita telitikan keempat-empat imam dari sudut ilmu, aspek kerohanian seperti ketakwan mereka, ahwal qalbiyyah dan maqamat qalbiyyah mereka, akhlak dan pelbagai aspek lainnya yang berkaitan.

Mereka selalunya dijadikan contoh sebagai ulamak yang berjaya menunjukkan sifat inabah, sabar, syukur, khawuf, roja', zuhud, tawakkal, reda, mahabbah, wara', tawaddu', ikhlas dan sebagainya lagi.

BELAJAR TASAWUF DARI ASY-SYAYBAN AR-RA'IE

Imam Syafi'e memang belajar tasawuf dan mengamalkannya. Salah seorang guru tasawuf Imam Shafi'i ialah asy-Syayban ar-Ra'ie. Ada kisah yang menarik semasa beliau belajar tasawuf tersebut. Diceritakan bahawa Imam Ahmad bin Hambal yang menjadi murid Imam Syafi'e tidak suka, kesal dan bimbang Imam Syafi'e berguru dengan asy-Syayban ar-Ra'ie, disebabkan pada pandangannya asy-Syayban ar-Ra'ie bukan seorang alim, hanya seorang awam yang bertugas mengembala binatang sahaja.

Pada satu hari, semasa Imam Ahmad bin Hambal berjalan bersama Imam Syafi'e, tersempak dengan asy-Syayban ar-Ra'ie. Dengan niat untuk membuktikan bahawa guru Imam Syafi'e ini bukan seorang yang alim, maka Imam Ahmad bin Hambal tujulkan satu soalan kepada asy-Syayban ar-Ra'ie yang bermaksud:

“ Wahai asy-Syayban, ada seorang hamba Allah telah tertinggal satu solat dari solat ferdu lima waktu. Bila dia hendak kodokkah solat tersebut, dia terlupa solat manakah satu yang dia tinggalkan; solat subuh ke? zuhur ke? asar ke? maghrib ke atau 'isyak?. Wahai asy-Sayayban macam mana hamba Allah ini nak kodokkan solatnya?.”

Asy-Syayban ar-Ra'ie menjawab yang bermaksud:

“ Hamba Allah tersebut bersifat ghaflah. Dia wajib mendidik dirinya sehingga hilang ghaflahnya. Bila ghaflahnya hilang, dia ingat solat manakah yang ditinggalkannya. Insya Allah dia dapat mengkodokkan solat fardu yang tertinggal itu.”

Jawapan asy-Syayban ar-Ra'ie tersebut sangat tepat. Imam Ahmad sedar guru Imam Syafi'e itu bukan seorang awam biasa dan tidaklah jahil, tetapi memang alim. Imam Ahmad bin Hambal berasa salah dan sangat malu kepada Allah, kerana hatinya jahat sangka yang menyebabkannya menangis hingga akhirnya beliau pengsan.

Peristiwa tersebut dikatakan menjadi titik permulaan imam Ahmad Ibn Hambal mengakui kebenaran tasawuf dan para ulama. Selepas kejadian tersebut dikatakan Imam Ahmad Ibn Hambal belajar ilmu tasawuf.

SUMBANGAN YANG PENTING IMAM SHAFI'I DALAM TASAWUF

Imam Shafi'i yang bersungguh-sungguh belajar dan beramal dengan tasawuf telah meninggalkan kesan zahir dan batin atau spiritual, mental dan fizikal pada dirinya yang nyata. Didorong oleh kesedaran yang mendalam tentang pentingnya ilmu dan amalan tasawuf, maka beliau menggalakkan ummat Islam agar belajar tasawuf sehingga menjadi faqih dan sufi sebenar.

Dakwahnya mengenai hakikat ini telah diabadikan dalam syairnya yang terkenal dalam *Dewan al-Imam as-Shafi'i*:

فقيها و صوفيا فكن ليس واحدا فإني وحق الله أنصح

فذلك قاس لم يذق قلبه تقى وهذا جهول كيف ذو الجهل يصلح

Maksudnya: “Demi kebenaran Allah, saya menasihatkan anda; jadilah seorang faqih dan sufi; janganlah anda sesekali menjadi salah satunya sahaja (faqih sahaja atau sufi sahaja).

Jika menjadi faqih sahaja hati akan keras yang tidak dapat merasakan ketakwaan (sebenar);

Jika menjadi sufi sahaja ia akan menjadi seorang yang sangat jahil, bagaimana seorang yang jahil mampu melakukan Islah.”

Pada himmah kita, rasanya syair diatas sudah cukup menjadi bukti yang sangat konkrit bahawa Imam Shafi'i memberi sumbangan yang besar dan memainkan peranan penting dibidang tasawuf. Menerusi syair diatas beliau berpandangan bahawa fekah dan tasawuf, kedua-duanya disyariatkan oleh Allah yang tidak boleh dipisahkan; kesempurnaan ketakwaan dan tawakal seseorang mukmin hanya dapat dicapai menerusi kombinasi yang erat antara syariat (fekah dan tauhid) dengan hakikat (tasawuf).

Pandangan beliau tersebut selaras dengan pandangan Imam Malik seperti yang telah diterangkan diatas bahawa untuk mencapai hakikat fekah dan tasawuf mesti dikombinasikan seerat-eratnya.

IMAM SHAFI'I MENJALANI KHALWAT

Dalam disiplin ilmu dan amalan tarekat tasawuf, terdapat amalan uzlah dan khalwat. Biasanya uzlah dan khalwat akan dikombinasikan dengan amalan zikir dan tafakkur. Menurut pandangan sesetengah sufiyyah amalan tersebut sangat memberi kesan yang baik dan menakjubkan terhadap hati. Ibnu Ata'illah (w709 H) dalam kitabnya Hikam pernah menegaskan bahawa tidak ada satu amalan yang boleh memberi kesan yang sangat baik terhadap hati selain dari uzlah khalwat yang didalamnya difokuskan amalan zikir dan tafakkur.

Amalan tersebut terdapat sumbernya yang jelas dalam al-Quran. Antaranya cerita uzlah dan khalwat as-Habul Khafi (al-Khafi 16); Uzlah dan khalwat nabi Allah Musa a.s dalam surah al-A'raf 142-143 dan uzlah dan khalwat golongan ulul al-abab dalam surah al-Imran 190-191.

Demikian juga iktikaf Rasulullah s.a.w di dalam masjidnya pada setiap 10 yang akhir bulan Ramadhan. Sesetengah sufiyyah menegaskan bahawa iktikaf Rasulullah s.a.w tersebut bukanlah seperti konsep iktikaf yang diajar didalam kitab-kitab fekah. Iktikaf Rasulullah s.a.w tersebut memenuhi konsep uzlah dan khalwat, kerana Baginda s.a.w meninggalkan rumah dan memberhentikan semua aktiviti hidup yang biasa dilakukan. Baginda juga ketika di dalam masjid tidak duduk berkeliaran, tetapi Baginda duduk tetap di dalam sebuah Khiba' iaitu sebuah kemah kecil yang dibuat dari kulit binatang.

Imam Shafi'i bukan hanya telah melakukan uzlah dan khalwat tersebut, tetapi beliau telah dapat merasakan hikmah dari amalan tersebut. Oleh sebab itu beliau berwasiat kepada seluruh ummat Islam dengan kata-katanya yang popular khusus mengenai uzlah dan khalwat tersebut:

من أراد أن يفتح الله قلبه فعليه بالخلوة وتقليل الاكل وتجنيب السفهاء وبعض العلماء الذين

ليس لهم إنصاف ولا أدب

Maksudnya: "Sesiapa yang mahu Allah bukakan (pelbagai hijab) hatinya, wajiblah diatasnya berkhalwat dan menyedikitkan makan dan menjauhkan diri dari golongan sufaha' dan sebagai orang alim yang tidak ada keinsafan (yang mengikutkan nafsu) dan yang tidak ada adab."

Wasiat Imam Shafi'i tersebut ada disebutkan oleh Imam Nawawi (w676 H) dalam kitabnya Bustanul Ariffin.

KESIMPULAN

Dari keterangan diatas dapat disimpulkan bahawa Imam Shafi'i benar-benar telah belajar beramal bersungguh-sungguh ilmu dan amalan tasawuf. Beliau yang telah menjalani uzlah dan khalwat, zikir dan tafakkur bermakna beliau telah menghayati tahap amalan tarekat tasawuf yang terpenting. Biasanya semasa menjalani uzlah dan khalwat zikir dan tafakkur itu, Allah akan limpahkan ke dalam ruang hatinya hakikat dan makrifah. Ini bermakna orang tersebut telah mencapai tingkat Ihsan seperti yang disebut dalam hadis Nabi:

الإحسان أن تعبد الله كأنك تراه فإن لم تكن تراه فإنه يراك

Maksudnya: “al-Ihsan ialah anda beribadat kepada Allah seolah-olah anda melihatNya, jika anda tidak(lagi seolah-olah) melihatNya, sesungguhnya Allah melihat anda.”